

**Parlimen: SPAD Kaji Industri Teksi Bagi Peningkat Kualiti
Bernama
5 April, 2012**

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sedang menjalankan kajian menyeluruh terhadap industri teksi bagi mempertingkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan teksi di negara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ahmad Maslan berkata di Dewan Rakyat Khamis, kajian yang dinamakan sebagai Pelan Penambahbaikan Teksi itu merangkumi beberapa aspek yang akan diberi tumpuan.

"Aspek itu ialah menentukan tahap keseimbangan di antara permintaan dan penawaran perkhidmatan serta mengenal pasti potensi penggabungan kelas lesen bagi memastikan tahap penggunaan teksi yang optimum.

"Mewujudkan mekanisme atau kaedah khas bagi menyemak dan meneliti kadar tambang yang boleh digunapakai serta mewujudkan pangkalan data yang lengkap bagi pemandu teksi," katanya dalam jawapan bertulis pada menjawab soalan R. Sivarasa (PKR-Subang).

Sivarasa ingin tahu sama ada kerajaan bercadang membatalkan semua permit teksi yang diberi kepada syarikat-syarikat secara berkelompok dan menawarkan permit teksi hanya kepada individu yang membawa teksi.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAM

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657198>